

Headline	FRIM bantu program penanaman pokok mega		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 May 2019	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	107,609
Page No	30,31	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	1229 cm <sup>2</sup>
Journalist	LAUPA JUNUS	AdValue	RM 24,290
Frequency	Daily	PR Value	RM 72,871



**INFO**

**Projek:** Plant A Tree  
**Lokasi:** Pahang Darul Makmur  
**Kawasan penanaman:** 136 hektar  
**Ketumpatan pokok:** 1,000 pokok sehektar  
**Jumlah spesies:** 126  
**Jumlah pokok:** 136,036 pokok  
**Tempoh:** Lima tahun 10 bulan  
**Jumlah spesies:** 60 spesies terancam.

Oleh LAUPA JUNUS  
[laupajunus@hotmail.com](mailto:laupajunus@hotmail.com)

**I**NSTITUT Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sentiasa mengalukan penglibatan sektor swasta dalam usaha pemuliharaan hutan dan biodiversiti di negara ini. Dengan kira-kira 50 peratus kawasan di negara ini diliputi hutan, semua pihak wajar berganding bahu memastikan kelestarian alam terpelihara termasuk menerusi pemuliharaan hutan.

Ketua Pengarah FRIM, **Datuk Dr. Abd. Latif Mohamad** berkata, pihaknya bersedia untuk bekerjasama dengan sektor swasta dalam penanaman semula hutan serta projek-projek pengayaan biodiversiti dalam usaha mencegah kepupusan spesies flora yang berharga.

Beliau berkata demikian dalam ucapan penutup Projek *Plant-A-Tree* di Estet Jentar, Pahang baru-baru ini yang melibatkan Sime Darby Plantation (SDP) untuk mengenal pasti dan menanam spesies tumbuhan hutan yang terancam dan jarang ditemukan bagi tujuan pemuliharaan.

"FRIM gembira dapat

**DR. LILLIAN CHUA** (kiri) memberi penerangan mengenai kerja-kerja penanaman pokok hutan di tapak Estet Jentar Pahang baru-baru ini.

## FRIM bantu program penanaman pokok mega

bekerja sama dengan SDP dalam pemuliharaan *ex situ* (persekitaran sebenar) spesies pokok hutan yang terancam dan jarang ditemukan di Jentar Estate," ujarnya.

Teks ucapan beliau dibacakan Pengarah Biodiversiti Hutan FRIM, Dr. Lillian Chua. Yang turut hadir Timbalan Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Operasi Huluas SDP, Mohamad Helmy Othman Basha; Ahli Majlis Pentadbiran Yayasan Sime Darby, Caroline Christine Russell dan Timbalan Pengarah Jabatan Perhutanan Pahang, Datuk Samsu Anuar Nawi.

Beliau turut merakamkan penghargaan kepada SDP atas usaha penubuhan, pengurusan, pemantauan dan penggunaan bukan komersial spesies tumbuhan hutan terancam dan jarang ditemukan secara *ex situ*.

FRIM kata beliau, menyumbang sejumlah 188 anak benih daripada 20 spesies Dipterokarpa untuk penanaman di tapak Bukit Pasir. Antaranya, enam spesies yang amat terancam (CR), empat terancam (EN), lima terdedah kepada ancaman (VU) dan satu jarang ditemukan (RA).

FRIM dan SDP telah menjalankan kajian flora di Bukit Kiab manakala ahli zoologi FRIM menjalankan beberapa kajian pemantauan fauna di Bukit Angin, Bukit Kiab dan Bukit Pasir.

FRIM kata Abd. Latif, menerajui usaha pemuliharaan tumbuhan negara serta memainkan peranan penting dalam pemuliharaan kelip-kelip dan pemulihan habitatnya di Kampung Kuantan, Selangor.

FRIM juga merupakan pusat rujukan untuk dokumentasi biodiversiti Malaysia. Sebagai contoh, Herbarium Kepong menempatkan kira-kira 300,000 spesimen dengan lebih 770 spesimen tip serta berfungsi sebagai pusat rujukan negara.

"Kami juga mengetahui beberapa projek floristik kebangsaan termasuk *Tree Flora of Malaya* (TFM), *Tree Flora of Sabah dan Sarawak* (TFSS) dan *Flora of Peninsular Malaysia* (FPM) untuk mendokumentasikan kekayaan biodiversiti flora negara," ujarnya.

FRIM juga menjalankan penilaian status pemuliharaan terhadap spesies tumbuhan. Penilaian terhadap Dipterokarpa pada 2010 menunjukkan bahawa 92 spesies di Semenanjung berada dalam golongan kategori terancam.

Justeru, usaha-usaha konservasi *in situ* dan *ex situ* sedang dijalankan dengan beberapa pihak yang berkepentingan dalam memulihara dan mencegah kepupusan spesies.

Sebagai contoh, FRIM

**MOHAMAD HELMY OTHMAN BASHA** (kanan) melancarkan buku panduan poket berjudul *Tree* hasil kerjasama SDP dan FRIM di Jerantut baru-baru ini. Turut kelihatan Dr. Lillian Chua dan Caroline Christine Russell (kiri).

Headline	FRIM bantu program penanaman pokok mega		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	02 May 2019	Color	Full Color
Section	Mega	Circulation	107,609
Page No	30,31	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	1229 cm <sup>2</sup>
Journalist	LAUPA JUNUS	AdValue	RM 24,290
Frequency	Daily	PR Value	RM 72,871

sedang bekerjasama dengan Universiti Teknologi Petronas (UTP) bagi memelihara *Shorea hemsleyana* (meranti daun besar) yang amat terancam di kawasan hutan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan UTP di Seri Iskandar, Perak.

FRIM menyumbang kepada penubuhan Hutan Bernilai Konservasi Tinggi (HCVF) bagi melindungi spesies terancam yang terpilih.

Contohnya, HCVF di Hutan Simpan Kledang Saiong untuk perlindungan *Vatica abduhmaniana*, yang dikendalikan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Perak dan HCVF di Hutan Simpan Kanching, Selangor untuk melindungi merawan kanching (*Hopea subalata*) yang amat terancam serta hiper endemik.

Kampus FRIM di Kepong juga merupakan tapak konservasi *ex situ* melibatkan 73 spesies terancam telah ditanam dengan antaranya 66 adalah Dipterokarpa.

Sebagai testimoni, Malaysia melalui usaha kerjasama FRIM dan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar sebelum ini telah memenangi anugerah emas kerana mempunyai *Clearing House Mechanism* yang terbaik.

Anugerah ini disampaikan ketika Konvensyen Kepelbagaian Biologi kerana Malaysia merupakan ahli yang aktif. *Clearing House Mechanism* bertujuan memudahkan pemindahan maklumat mengenai kepelbagaian biologi dan pemuliharaannya.

MyBIOD yang merupakan pangkalan data FRIM mempunyai pautan ke pangkalan data biodiversiti, koleksi spesimen, direktori sumber, individu, agensi kerajaan dan kementerian.

Dokumen yang berkaitan dengan dasar kebangsaan serta laporan kebangsaan perjanjian alam sekitar pelbagai pihak juga terdapat di situ.

Dalam ucapannya itu juga beliau berkata, tahap kesedaran awam semakin meningkat dan terdapat inisiatif yang lebih besar untuk mengengahkan biodiversiti dalam perancangan peringkat kebangsaan dan negeri.

"FRIM akan terus memainkan peranan penting dalam usaha pemuliharaan untuk mencegah kepupusan spesies.

"Kita harus mengelakkan penambahan spesies tumbuhan kepada

senarai pupus yang kini merangkumi spesies meranti damar hitam (*Shorea kuantanensis*) dan tumbuhan herba asam batu (*Begonia etromischa*)," ujarnya.

Justeru untuk terus melindungi aset negara dan warisan semula jadi, beliau berkata, FRIM mengalu-alukan kerjasama dengan organisasi yang mempunyai matlamat sama dalam memastikan pemuliharaan dan keamanan hutan serta kekayaan biodiversiti.

Sementara itu bercakap kepada pemberita kemudian, Lillian berkata, sebagai sebuah negara yang berada dalam kedudukan ke-12 dari segi kepelbagaian biologi, maka sewajarnya inisiatif pemuliharaan hutan perlu digerakkan.

"Dalam hal ini saya melihat peranan swasta amat besar untuk membantu ke arah itu dengan menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030 dan agenda tempatan," katanya.

Beliau berkata, spesies yang dipilih dalam program tersebut adalah berdasarkan kriteria dalam Senarai Merah Kesatuan Antarabangsa Untuk Pemuliharaan Alam Sekitar (IUCN) yang merupakan kriteria global dalam menyenarai ciri-ciri spesies sama berada dalam sembilan kategori tertentu sama ada terancam, sangat terancam dan sebagainya.



DR. LILLIAN CHUA